

Takaful

Takaful Private Car Driver
and Passenger

**Perlindungan di jalan raya untuk
anda dan penumpang yang
disayangi.**



Takaful

*Bukan sahaja Takaful,
Etiqa Takaful*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my). I Ahli PIDM

eTiQa

Takaful Am

Perlindungan di jalan raya untuk anda dan penumpang yang disayangi.

Memandu memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian kita. Sama ada menghantar anak ke sekolah, mahupun pulang ke kampung halaman pada hujung minggu, kita banyak menghabiskan masa di atas jalan raya. Kebiasaannya, kita akan membawa muatan yang paling berharga sewaktu dalam perjalanan – orang tersayang. Daripada ahli keluarga hingga ke sahabat handai, kehidupan mereka menjadi tanggungjawab kita semasa memandu kenderaan. Kita memandu dengan penuh berhati-hati, untuk keselamatan bersama. Namun, malang tidak berbau dan boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa diduga.

Di sitolah Takaful Private Car Driver and Passenger memainkan peranan. Ia direka untuk melindungi anda dan penumpang yang tersayang daripada kehilangan nyawa dan hilang upaya akibat kemalangan semasa dalam perjalanan dengan kenderaan persendirian anda, membolehkan anda memandu dengan ketenangan minda.

Konsep Shariah

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju untuk menyumbang atau menderma sumbangan mereka ke dalam Dana Takaful Am bagi tujuan saling menolong dan bantu membantu sesama Peserta-peserta lain di saat-saat yang memerlukan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan boleh-agih di dalam Dana Takaful Am, setelah ditolak pembayaran balik defisit yang lalu dan mengambil kira peruntukan untuk perkara di luar jangkaan, adalah diagihkan sebanyak 50% antara Peserta-peserta dan 50% lagi kepada kami sebagai fi prestasi. Sekiranya lebihan tersebut adalah kurang daripada RM10, ia akan dikreditkan ke suatu tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai ‘amal jariah’ bagi pihak Peserta.

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am tersebut. Sebagai ejen, Pengendali Takaful adalah berhak untuk menerima fi Wakalah sebagai caj perkhidmatan. Bayaran fi Wakalah adalah seperti berikut:

Butiran	(% daripada Sumbangan)
<ul style="list-style-type: none">• Komisen dibayar kepada ejen Takaful• Perbelanjaan pengurusan	10% sehingga 20%
Jumlah Fi Wakalah	sehingga 30%

Nota: Untuk maklumat lanjut mengenai konsep Shariah, sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau Sijil Takaful.

Manfaat Utama

- **Kematian Akibat Kemalangan**

Apabila berlaku kematian akibat kemalangan semasa berada di dalam kendaraan Orang yang Dilindungi, perlindungan adalah sehingga RM50,000 bagi setiap Orang yang Dilindungi/penumpang.

- **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**

Perlindungan adalah sehingga RM50,000 sekiranya berlaku Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal untuk setiap Orang yang Dilindungi/penumpang akibat kemalangan.

- **Perbelanjaan Perubatan**

Pembayaran balik kos perubatan yang ditanggung seperti pembedahan, hospital dan penjagaan sekiranya Orang yang Dilindungi/penumpang mengalami kecederaan akibat kemalangan. Manfaat akan dibayar sekiranya ia berlaku dalam tempoh 52 minggu dari tarikh kemalangan tersebut.

- **Perbelanjaan Pengebumian**

Perlindungan RM1,000 untuk manfaat perbelanjaan pengebumian bagi setiap Orang yang Dilindungi/penumpang akibat kemalangan.

Kelayakan

Pemandu yang berumur antara 18 tahun hingga 70 tahun layak untuk memohon. Pelan ini melindungi penumpang berusia 5 tahun hingga 70 tahun.



Pelan dan Manfaat (setiap Orang yang Dilindungi)

Pilih salah satu daripada tiga pelan yang sesuai dengan keperluan anda:

No	Manfaat	Jumlah yang Dilindungi (RM)		
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
1	Kematian Akibat Kemalangan	15,000	30,000	50,000
2	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	sehingga 15,000	sehingga 30,000	sehingga 50,000
3	Perbelanjaan Perubatan	sehingga 500	sehingga 1,000	sehingga 1,500
4	Perbelanjaan Pengebumian	1,000	1,000	1,000

Had Keistimewaan

No	Umur Penumpang	Kelayakan untuk Manfaat/setiap orang
1	15 hingga 70 tahun	100%
2	Antara 5 hingga 15 tahun	50%
3	5 tahun ke bawah	Tidak dilindungi

Sumbangan

No	Kapasiti Tempat Duduk	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
1	5 tempat duduk termasuk pemandu	60.00	120.00	200.00
2	7 tempat duduk termasuk pemandu	84.00	168.00	280.00
3	Setiap tempat duduk tambahan	12.00	24.00	40.00

Nota: Semua sumbangan, lain-lain caj dan fi (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Tambahan RM10 untuk duti setem dibayar bagi setiap Sijil.

Soalan Lazim

1. Bagaimakah cara untuk memohon dan memperbarahuinya?

Sila rujuk kepada ejen Etiqa atau menyemak cawangan yang terdekat di kawasan anda di www.etiqa.com.my. Hubungi Etiqa Online di talian **1300 13 8888** untuk maklumat lanjut.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Fi wakalah sehingga 30% daripada jumlah sumbangan akan dibayar, yang termasuk 10% komisen dibayar kepada ejen Takaful dan sehingga 20% perbelanjaan pengurusan dibayar kepada Pengendali Takaful.
- Duti Setem - RM10 (caj tambahan kepada sumbangan)
- Semua sumbangan, lain-lain caj dan fi (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.

3. Bagaimanakah cara untuk membuat tuntutan?

Semua tuntutan mestilah dimaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas apa-apa kejadian yang mungkin melayakkan Orang yang Dilindungi untuk membuat tuntutan di bawah sijil ini. Sila hantar kepada kami dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau keterangan diperlukan untuk mengesahkan tuntutan tersebut hendaklah disediakan oleh Orang yang Dilindungi di atas perbelanjaan sendiri. Perbelanjaan untuk sebarang pemeriksaan perubatan yang kami perlukan untuk mengesahkan tuntutan tersebut akan ditanggung oleh kami.

4. Bagaimanakah cara saya untuk membatalkan sijil?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami dan semasa pembatalan sijil, anda layak menerima pulangan sebahagian daripada sumbangan.

Nota : Tertakluk pada tiada tuntutan bayaran dibuat.

5. Apakah Pengecualian Utama di bawah sijil ini?

- a. Melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- b. Bunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan, tidak siuman atau cubaan sedemikian;
- c. Kehamilan atau kelahiran anak;
- d. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- e. Kesan daripada penggunaan dadah atau alkohol;
- f. AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- g. Sebarang kecacatan fizikal atau kelemahan yang sedia ada;
- h. Peperangan, mogok, rusuhan atau ketidaktereman awam, pencemaran radiasi atau nuklear dan tindakan keganasan.
- i. Kenderaan yang digunakan tidak mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa; atau
- j. Kenderaan yang digunakan untuk perlumbaan, sukan rali atau penggunaan untuk disewa.

Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai maklumat di atas, atau ingin menyertai pelan ini, sila dapatkan Helaian Pendedahan Produk daripada Ejen Takaful Am Etiqa, atau hubungi Etiqa Oneline di talian **1300 13 8888**.

Nota Penting

1. Risalah ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini mungkin akan dipinda tanpa notis terlebih dahulu.
2. Sebelum menyertai pelan ini, anda perlu memahami pelan ini dengan baik bagi memastikan ianya memenuhi keperluan anda sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
3. Tempoh perlindungan adalah satu tahun dan anda perlu memperbaharui sijil setiap tahun.
4. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku kecil *InfoInsurans* untuk 'Takaful Kemalangan Diri' yang boleh didapati di cawangan kami. Selain itu, anda boleh mendapatkan salinan daripada Ejen Takaful Am Etiqa atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Etiqa Oneline 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



 www.facebook.com/etiqua

Diunderait oleh:

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013)

dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

eTiqA
Takaful Am